

**Malaysia Airlines Rai Pekerja Dan Rakan Kongsi  
Bernama  
16 May, 2013**

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Malaysia Airlines (MAS) baru-baru ini menganugerahkan 92 anugerah kepada pekerja cemerlangnya pada majlis MH Anugerah di Akademi Malaysia Airlines di Kelana Jaya.

Dalam satu kenyataan hari ini, MAS berkata MH Anugerah adalah majlis anugerah tahunan yang dianjurkan untuk meraikan pelbagai sumbangan dan prestasi cemerlang pekerja Malaysia Airlines.

Pengarah Sumber Manusia MAS, Zahrah Zaid berkata MH anugerah juga merupakan motivasi kepada pekerja untuk terus berkhidmat dengan cemerlang.

"Di MAS, kami mementingkan keseimbangan antara kerja dan keseronokan," kata beliau.

Sementara itu, beliau berkata MAS akan menganjurkan temu duga terbuka untuk pengambilan anak kapal syarikat penerbangan itu pada Mei dan Jun ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=950306>